



Untuk Siaran Segera  
20 Ogos 2021

## Cabaran Literasi Kewangan Alliance Bank AEIOU Musim Ke-6 Menarik Lebih 58,000 Penyertaan

*Juara Cabaran Komik dan e-Permainan Ata bin Abd Aziz, 11, dari Kuala Lumpur dan Ryan Wong Kee Hui, 9, dari Sarawak memenangi hadiah wang tunai berjumlah RM8,000*

**Kuala Lumpur, 20 Ogos 2021** – Seramai 40 orang pelajar berusia antara 9 dan 12 dari 9 negeri di seluruh negara bersaing menerusi pengetahuan kewangan mereka di peringkat akhir maya Cabaran AEIOU, program celik kewangan anjuran Alliance Bank Malaysia Berhad (“Alliance Bank”).

Para finalis disenarai pendek dari lebih 58,000 penyertaan dalam kedua-dua Cabaran Komik Kewangan AEIOU (“Cabaran Komik”) dan Cabaran e-Permainan Kewangan AEIOU (“Cabaran e-Permainan”). Sekolah-sekolah dari semua negeri di Malaysia telah mengambil bahagian dalam inisiatif celik kewangan Alliance Bank musim keenam ini yang dijalankan secara digital.

Ata bin Abd Aziz, 11, dari SJK (C) Lee Rubber, Kuala Lumpur muncul sebagai juara Cabaran Komik, di mana dia membawa pulang wang tunai RM5,000, piala, hamper Faber-Castell dan sijil pencapaian. Ryan Wong Kee Hui, 9, dari SJK (C) Chung Hua Miri, Sarawak dinobatkan sebagai juara Cabaran e-Permainan, dan menerima wang tunai RM3,000, piala, hamper Faber-Castell serta sijil pencapaian.

Naib juara pertama dan kedua Cabaran Komik masing-masing berjaya memenangi hadiah wang tunai RM3,000 dan RM1,000, piala, hamper Faber-Castell serta sijil pencapaian. Untuk kategori Cabaran e-Permainan pula, naib juara pertama dan kedua masing-masing menerima hadiah wang tunai RM2,000 dan RM1,000, termasuk hamper Faber-Castell dan sijil pencapaian (*sila rujuk Lampiran A untuk senarai penuh para pemenang*).

SJK (C) Chung Hua Krokop dari Sarawak merupakan sekolah yang mencatatkan jumlah penyertaan tertinggi, iaitu lebih dari 5,000 penyertaan bagi kedua-dua kategori Cabaran Komik dan Cabaran e-Permainan. Sekolah ini dianugerahkan RM3,000 untuk dana pembangunan sekolahnya.

Tahun ini, Cabaran AEIOU telah memperkenalkan *Faber-Castell Special Award* untuk menggalakkan pelajar-pelajar menunjukkan bakat mereka di media sosial dan juga *Limkokwing Creativity Award* untuk mendorong pembelajaran melalui permainan.

Ata bin Abd Aziz juga muncul sebagai pemenang *Faber-Castell Special Award*, di mana dia membawa pulang hamper produk Faber-Castell bernilai RM400 dan sijil pencapaian. *Limkokwing Creativity Award* pula dimenangi oleh Mithiran a/l Poovarasan, 12 dari SK Air Merah, Kedah yang menerima hadiah wang tunai RM500, piala serta sijil pencapaian.

Majlis penyampaian hadiah diadakan secara maya dan dirasmikan oleh En. Abdul Hadi bin Abdul Rahman, Ketua Penolong Pengarah, Unit Kurikulum, Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia. Para hadirin termasuk 40 orang finalis yang berusaha untuk memenangi sebahagian daripada lebih RM30,000 hadiah wang tunai serta guru-guru mereka.

Ketua Pegawai Eksekutif Alliance Islamic Bank, En. Rizal IL-Ehzan Fadil Azim berkata, “Matlamat Program Cabaran AEIOU adalah untuk memupuk tabiat pengurusan wang yang bijak di kalangan generasi muda. Walaupun keadaan semasa melempar pelbagai cabaran, Alliance Bank tetap komited untuk menganjurkan program AEIOU melalui pendekatan yang inovatif, iaitu secara digital. Saya amat kagum dengan kehebatan peserta muda yang bersemangat untuk menguji pengetahuan kewangan mereka melalui pertandingan ini, meskipun berdepan dengan situasi masakini yang amat luarbiasa.”

Bertemakan “Menabung Untuk Kecemasan: Persediaan Semasa Krisis”, Cabaran AEIOU tahun ini memperluaskan jejaknya dengan menjangkau lebih daripada 30,000 kanak-kanak di seluruh negara. Sejak pelancarannya pada tahun 2015, Cabaran AEIOU telah menjangkau lebih daripada 130,000 kanak-kanak dalam usahanya untuk menanam kemahiran celik kewangan pintar dalam kalangan pelajar sekolah berusia 9 hingga 12 tahun.

Untuk mengukuhkan komponen pendidikan kewangannya, Cabaran AEIOU juga menganjurkan sesi maya *Train-the-Trainers* (TTT) untuk para guru. Tahun ini, TTT memperluas jangkauannya ke 615 buah sekolah, peningkatan sekitar 48.2% dari Cabaran AEIOU sebelumnya. Alliance Bank memperkasakan para guru yang mengambil bahagian dalam sesi-sesi ini dengan melengkapkan mereka dengan pengetahuan kewangan supaya mereka sedia untuk menanamkan tabiat wang yang baik dalam para pelajar.

Walaupun program AEIOU telah berakhir bagi musim ini, Alliance Bank akan mengekalkan Cabaran e-Permainan di laman web korporatnya, bersama dengan bahan pendidikan digital lain yang berkaitan. Ini akan memberi peluang kepada para pendidik dan pelajar untuk terus belajar tentang pengurusan wang yang baik.

Dengan sokongan kukuh Kementerian Pendidikan dan juga Bank Negara Malaysia, Cabaran AEIOU berafiliasi dengan *Financial Education Network* (FEN) BNM. Program ini juga disokong oleh Faber-Castell, Limkokwing University of Creative Technology dan SmartStudy. Cabaran AEIOU adalah hasil usaha kerjasama awam-swasta untuk menyampaikan program yang memanfaatkan masyarakat.

Cabaran AEIOU menyokong aspirasi negara untuk membangunkan warganegara yang celik kewangan dengan meningkatkan tahap literasi kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia. Program ini juga selari dengan Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023, di mana ia mengetengahkan keutamaan strategiknya untuk menanamkan kelakuan pengurusan kewangan yang lebih positif dan membentuk tingkah laku kewangan yang bertanggungjawab dari usia yang muda.

Saksikan Majlis Anugerah Musim ke-6 Cabaran AEIOU melalui <https://bit.ly/AEIOUChallenge6AwardsCeremony>. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai Cabaran AEIOU Alliance Bank, sila lawati [www.alliancebank.com.my/aeiou](http://www.alliancebank.com.my/aeiou).

# # #

#### **Tentang Alliance Bank Malaysia Berhad**

Alliance Bank Malaysia Berhad dan subsidiarinya, Alliance Investment Bank Berhad dan Alliance Islamic Bank Berhad, merupakan kumpulan perkhidmatan kewangan dinamik dan bersepadu yang menawarkan penyelesaian perbankan dan kewangan melalui perbankan pengguna, perbankan PKS, perbankan korporat dan komersil, perbankan Islam, perbankan pelaburan dan perniagaan pembrokeran saham. Bank menyediakan capaian mudah di seluruh negara melalui penyediaan perkhidmatan kepada pangkalan pelanggan yang luas melalui saluran penyediaan berbilang cabang termasuk cawangan runcit, Pusat Perbankan Privilege, Pusat Perniagaan dan cawangan Bank Pelaburan serta kemudahan perbankan mudah alih dan Internet.

#### **Tentang Cabaran AEIOU Alliance Bank**

Dilancarkan pada tahun 2015, Cabaran AEIOU Alliance Bank adalah inisiatif tanggungjawab korporat Bank yang bertujuan untuk mengajar pelajar-pelajar sekolah berusia 9 hingga 12 tahun tentang kepentingan amalan menyimpan, membuat keputusan kewangan yang bijak dan berhemah dalam berbelanja dengan cara yang menyeronokkan dan interaktif. Cabaran ini merangkumi komponen pendidikan celik kewangan dan dua pertandingan untuk pelajar sertai, iaitu Cabaran Komik dan Cabaran e-Permainan. Cabaran ini juga merangkumi sesi *Train-the-Trainers* (TTT) untuk memperkasakan guru dengan bahan bantu mengajar yang relevan untuk memupuk pelajar dalam pengurusan wang pintar.

*Untuk maklumat lanjut tentang siaran akhbar ini, sila hubungi Agnes Ong di 03-2604 3378, atau e-mel [agnesong@alliancefg.com](mailto:agnesong@alliancefg.com).*

## Lampiran A

### Cabaran Komik

	<b>Nama</b>	<b>Umur</b>	<b>Sekolah</b>	<b>Hadiah</b>
<i>Juara</i>	Ata bin Abd Aziz	11	SJK (C) Lee Rubber, Kuala Lumpur	Wang tunai RM5,000 + piala + hamper Faber-Castell + sijil
<i>Naib Juara Pertama (1<sup>st</sup> Runner-Up)</i>	Mak Yu Dern	11	SJK (C) Chung Hua 1, Pulau Pinang	Wang tunai RM3,000 + piala + hamper Faber-Castell + sijil
<i>Naib Juara Kedua (2<sup>nd</sup> Runner-Up)</i>	Amber Chee Jin Xuan	11	SJK (C) Anglo Chinese, Sabah	Wang tunai RM1,000 + piala + hamper Faber-Castell + sijil
<i>Hadiah Saguhati</i>	Beh Jien Meng	12	SJK (C) Nam Heng, Johor	Wang tunai RM200 + hamper Faber-Castell hamper + sijil
	Auni bt Faizul Azly	12	SK Ganun, Melaka	
	Alia Amani binti Azman Shah	12	SK Batang Kali, Selangor	
	Soo Jia Xuan	11	SJK (C) Kepong 2, Kuala Lumpur	
	Tan Jay Yii	12	SJK (C) Mun Yee, Kuala Lumpur	
	Sheeridran Mahendran	12	SK Sri Petaling, Selangor	

### Cabaran e-Permainan

	<b>Nama</b>	<b>Umur</b>	<b>Sekolah</b>	<b>Hadiah</b>
<i>Juara</i>	Ryan Wong Kee Hui	9	SJK (C) Chung Hua Miri, Sarawak	Wang tunai RM3,000 + piala + hamper Faber-Castell + sijil
<i>Naib Juara Pertama (1<sup>st</sup> Runner-Up)</i>	Matthias Koh Cheng Yao	12	SJK (C) Kepong 2, Kuala Lumpur	Wang tunai RM2,000 + piala + hamper Faber-Castell + sijil
<i>Naib Juara Kedua (2<sup>nd</sup> Runner-Up)</i>	Tie Khay Lin	11	SJK (C) Lick Hung, Selangor	Wang tunai RM1,000 + piala + hamper Faber-Castell + sijil

Faber-Castell Special Award

	<b>Nama</b>	<b>Umur</b>	<b>Sekolah</b>	<b>Hadiah</b>
<i>Tempat Pertama</i>	Ata bin Abd Aziz	11	SJK (C) Lee Rubber, Kuala Lumpur	Hamper produk Faber-Castell bernilai RM400 + sijil
<i>Tempat Kedua</i>	Amber Chee Jin Xuan	11	SJK (C) Anglo Chinese, Sabah	Hamper produk Faber-Castell bernilai RM250 + sijil
<i>Hadiah Saguhati</i>	Mak Yu Dern	11	SJK (C) Chung Hua 1, Pulau Pinang	Hamper produk Faber-Castell bernilai RM100 + sijil
	Yap Eng Shuen	11	SJK (C) Mun Yee, Kuala Lumpur	
	Soo Jia Xuan	11	SJK (C) Kepong 2, Kuala Lumpur	
	Thaddeus Leong Yan Ren	9	SJK (C) Chung Hua Krokop, Sarawak	
	Tan Zi Hao	11	SJK (C) Kepong 2, Kuala Lumpur	
	Tatiana Leong Yan Qi	11	SJK (C) Chung Hua Krokop, Sarawak	

Limkokwing Creativity Award

	<b>Nama</b>	<b>Umur</b>	<b>Sekolah</b>	<b>Hadiah</b>
<i>Juara</i>	Mithiran a/l Poovarasana	12	SK Air Merah, Kedah	Wang tunai RM500 + piala + sijil
<i>Hadiah Saguhati</i>	Teo Ray Dernn	10	Sri Sempurna International School, Kuala Lumpur	Wang tunai RM100 + sijil
	Harshita a/p Nookeswararao	12	SK Taman Bukit Maluri, Kuala Lumpur	
	Wong Wei Ying	12	SJK (C) Kepong 2, Kuala Lumpur	
	Matthias Koh Cheng Yao	12	SJK (C) Kepong, Kuala Lumpur 2	
	Nur Aliana Husna binti Azrim Akhtar	12	SK Setia Alam, Selangor	

Hadiah Kategori

**Sekolah yang Mencatatkan Jumlah Penyertaan Tertinggi**

SJK (C) Chung Hua Krokop, Sarawak

Hadiah: Wang tunai RM3,000 untuk dana pembangunan sekolah